

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	01 DECEMBER 2016

## Kerjasama Tun M, DAP detik hitam UMNO

**KUALA LUMPUR 30 Nov.** - Kerjasama bekas Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan Penasihat DAP, Lim Kit Siang turut menjadi perhatian dalam ucapan dasar ketua sayap UMNO hari ini dengan menyifatkannya sebagai detik paling hitam dalam sejarah parti.

Ketua Wanita UMNO, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil berkata, beliau hilang kata-kata dan tidak mampu mengungkapkan rasa kecewanya saat melihat Dr. Mahathir merangkul mesra Kit Siang.

Perasaan sama juga, kata beliau, turut dirasakan ketika menyaksikan bekas pemimpin UMNO lain yang memilih bersama-sama gerakan pembangkang yang sebelum ini dianggap musuh nombor satu parti.

Menurut Shahrizat, sepanjang lebih 20 tahun menjadi Presiden, Dr. Mahathir sentiasa mengingatkan ahli-ahli parti terhadap kelicikan politik pembangkang khususnya DAP yang sangat berbahaya kepada negara.

"Malangnya hari ini, beliau serta beberapa bekas pemimpin UMNO lain memilih pentas yang sama dengan DAP yang semuanya dilakukan menjerus kepada kepentingan peribadi.

"Apa yang lebih mengecewakan, Wanita UMNO tidak pernah sekali pun berpaling terhadap kepemimpinan Dr. Mahathir sepanjang lebih 20 tahun beliau menjadi Presiden sama ada ketika susah atau senang," katanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaludin mengingatkan ahli-ahli pergerakan itu supaya tidak lupa bahawa perjuangan yang kononnya dipertontonkan mulia oleh Dr. Mahathir sebenarnya hanyalah wayang dan muslihat.

"Sebuah hipokrisi mengejar takhta, membina legasi dan empayar. Memang benar kata orang, di luar sana, bila tak berjawatan, cukup senang mengutarakan dusta namun sewaktu dia berjawatan prinsipnya cukup berbeza.

"Beliau sendiri pernah berkata, Melayu mudah lupa, Melayu mudah lupa, Melayu mudah lupa," katanya.

Beliau berkata, kesanggupan Dr. Mahathir dan beberapa



bekas pemimpin UMNO membuat pusingan U pastinya bukan kerana prinsip tetapi kerana mahukan kuasa sehingga sanggup berpegang kepada matlamat menghalalkan segalanya.

"Inilah yang mendepani kita sekarang, bukannya musuh politik biasa, tetapi musuh yang mengamalkan seni politik serba kemungkinan, seni politik sapu sahaja - janji boleh. Seni politik yang tiada setiakawan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Puteri UMNO, Datuk Mas Ermeyati Samsudin berkata, Puteri UMNO akan terus setia kepada kepemimpinan dan perjuangan parti meskipun ada bekas-bekas pemimpin yang telah berpaling tadah.

"Kesetiaan kepada pemimpin dan parti umpama tiang seri yang akan memastikan kestabilan dalam UMNO.

"Sejarah menunjukkan banyak negara besar dan agung, kemudiannya hancur berkecai kerana soal kesetiaan," katanya.

Tegasnya, kesetiaan tidak berbelah bahagi kepada parti adalah salah satu kekuatan asas yang memamatkan UMNO untuk kekal sehingga kini.

"Tanamkan niat kita secara jujur bahawa pada PRU ke-14 nanti, kita akan memastikan UMNO dan Barisan Nasional terus kekal sebagai parti memerintah negara ini," katanya.